

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 08/08/2007

# Pembangunan Koridor Utara dalam 2 tahun

UM - 8/8/2007

BUTTERWORTH 7 Ogos - Kesan positif pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Koridor Utara) akan dapat dilihat dua tahun selepas ia dilaksanakan, kata Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon.

Beliau berkata, kesan akan berlaku daripada segi infrastruktur dan projek fizikal yang dilaksanakan, pengangkutan, logistik, pertanian, pembuatan serta pelancongan di sekitar negeri terbabit.

"Dalam tempoh dua tahun akan datang kita boleh melihat kesan Koridor Utara dan ini akan memberi keyakinan kepada rakyat terhadap rancangan kerajaan," katanya.

Pembangunan Koridor Utara yang membabitkan Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis telah dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini.

Ia membabitkan anggaran pelaburan kira-kira RM177 bilion sehingga 2025.

Koridor Utara merupakan inisiatif kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kadar pendapatan dan membasmu kemiskinan di utara Semenanjung.

Tsu Koon memberitahu, projek tersebut perlu ditonjolkan dalam tempoh dua tahun bagi membuktikan kepada rakyat bahawa setiap perancangan berjaja-

lan lancar dan mengubah pemikiran mereka terus ke hadapan.

Beliau berkata, pendapatan bulanan penduduk juga akan meningkat berikutan kegiatan ekonomi dijangka semakin rancak dalam pelbagai bidang khususnya perindustrian dan perniagaan ekoran kelancaran sistem pengangkutan.

"Tentunya Koridor Utara akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat terutama dalam tempoh 20 tahun akan datang.

"Sebagai contoh, sistem pengangkutan yang pantas akan menjimatkan masa penduduk dan menambah pulangan perniagaan," katanya.

Dalam perkembangan berkai-

tan, Tsu Koon berkata, adalah tidak benar jika dikatakan Koridor Utara akan meminggirkan Pulau Pinang ekoran negeri lain menjadikan pertanian sebagai teras.

Tegasnya, ini kerana Koridor Utara akan menambah nilai industri pelancongan, biotek, perubatan dan pembuatan terutama berasaskan elektrik dan elektronik (E&E) sedia ada di negeri ini ke tahap antarabangsa.

"Kesemua bidang dalam Koridor Utara akan dibangunkan pada masa yang sama dan ia berkaitan antara satu dengan lain bagi membolehkan manfaatnya dinikmati bersama," jelasnya.



DR. KOH TSU KOON